

Headline	Usah diperalat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V1,2	ArticleSize	355 cm ²
AdValue	RM 11,973	PR Value	RM 35,919



Usah diperalat

»Pelajar IPT
perlu **guna
saluran
matang,
intelektual**
kemuka **idea**
tangani **isu**

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

lebih matang dan intelektual, termasuk menerusi sesi dialog dan forum yang dapat menca- dangkan idea bernas untuk menjadi sebahagian dasar kerajaan bagi menangani isu kos sara hidup. **◉ V2**

Pelajar institusi pe- ngajian tinggi (IPT) perlu bersikap ra- sional dan bijak me- manfaatkan kebeba- san menyertai parti politik di luar kampus bagi mengelak diperalat untuk kepentingan agenda peribadi pihak tertentu.

Ketua Kluster Politik, Ke- selamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, ber- kata mereka harus memasti- kan benar-benar memaha- mi isu dan objektif sebenar aktiviti anjuran parti politik sebelum menyertainya.

Beliau memberi contoh perhimpunan haram ketika sambutan Ambang Tahun Baharu 2014 di ibu negara, baru-baru ini, yang dilihat jelas didorong kepentingan politik berbanding memper- juang isu kenaikan harga barang yang dicanangkan.

Dalam konteks ini, kata- nya, pelajar boleh memain- kan peranan melalui saluran

Nafi hak **orang awam**

◉ Dari muka 1

“Sesi perbincangan dan mengumpul idea mene- rusi forum dan dialog lebih intelektual daripada terpekik terlolong menyertai demon- strasi jalanan sehingga mena- fikan hak orang awam menik- mati sambutan tahun baharu dengan tenteram,” katanya.

Akhbar sebelum ini mela- porkan sambutan Ambang Tahun Baharu 2014 di Da- taran Merdeka terpaksa dihentikan pada jam 11.30 malam, selepas peserta per- himpunan haram bertindak ganas, termasuk merempuh sekatan pihak berkuasa.

Perhimpunan itu yang disertai beberapa pemimpin pembangkang, menggan- gu acara sambutan selepas merempuh kawalan pasukan keselamatan terdiri daripa- da polis dan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala

Headline	Usah diperalat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V1,2	ArticleSize	355 cm ²
AdValue	RM 11,973	PR Value	RM 35,919

Lumpur (DBKL).

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dilaporkan sebagai berkata kekacauan itu didalangi beberapa individu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) propembangkang.

Mohamed Mustafa yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, IPT boleh mengenakan proses tindakan tatatertib terhadap pelajar menyertai perhimpunan haram seumpama itu kerana mencemar nama baik universiti.

Sedang duduki peperiksaan

Beliau berkata, tindakan tatatertib terbabit bermula

dengan amaran, denda penangguhan pengajian semester sehingga penyingkiran, bergantung kepada tahap kesalahan.

“Saya tidak pasti jika ada pelajar UUM terbabit (perhimpunan haram itu), tiada laporan setakat ini. Pelajar UUM sedang menduduki peperiksaan, mungkin mereka tidak terbabit,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata mahasiswa yang disabitkan kesalahan menyertai perhimpunan haram itu dan dipenjarakan, boleh dilucut status

pelajar.

Dalam pada itu, beliau berkata, tindakan atas kesalahan merosakkan harta benda awam dan menggugat keamanan awam melalui perhimpunan haram itu adalah di bawah bidang kuasa polis.

Saluran cerminkan keserjanaan


“Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)

membenarkan pelajar menyertai parti politik di luar kampus. Namun, mereka harus bijak menggunakan kebebasan itu bagi mengelak diperalat pihak tertentu untuk kepentingan peribadi atau politik.

“UPM mengambil serius kecenderungan pelajar terbabit dalam aktiviti seumpama itu (perhimpunan haram), malah sudah mengeluarkan notis amaran menghalang mahasiswa menyertainya. Setakat ini, tiada laporan rasmi mengatakan pelajar UPM terbabit,” katanya.

Beliau sekali gus menasihati pelajar menggunakan saluran yang mencerminkan keserjanaan, termasuk menerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan, supaya idea dan pendapat mereka dapat diketengahkan kepada kerajaan.

Headline	Usah diperalat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V1,2	ArticleSize	355 cm ²
AdValue	RM 11,973	PR Value	RM 35,919



Dr Mohamed Mustafa Ishak



Dr Mohd Fauzi Ramlan